

KEBERKESANAN MODUL NILAI KEUSAHAWANAN HOLISTIK DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL DI BATAM,
INDONESIA

ANDI MALLANTI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KEBERKESANAN MODUL NILAI KEUSAHAWANAN HOLISTIK DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL DI BATAM,
INDONESIA

ANDI MALLANTI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Doktor Falsafah (Pendidikan Teknik dan Vokasional)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2015

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT yang maha pengasih lagi maha penyayang telah menganugerahkan kekuatan, kesabaran, dan kesungguhan dalam melengkapkan tesis ini. Semoga sumbangan yang tidak seberapa ini, dapat memberi impak yang besar bagi membantu mengawal kesihatan mental golongan pendidik.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Rohana Hamzah dan Dr. Kamalularifin Bin Subari di atas kesungguhan, keikhlasan dan kesabaran mendidik saya sehingga siapnya tesis ini. Tunjuk ajar dan keperihatinan yang dicurah menambahkan lagi kamus kehidupan di dalam mengenali erti kemanusiaan.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Gubernur Provinsi Sulawesi Selatan kerana memberi tajaan kepada saya meneruskan pendidikan pada tingkat Doktor Falsafah (S3) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor Malaysia. Penghargaan juga kepada Pejabat Pelajaran Batam kerana memberi kebenaran kepada saya menjalankan penyelidikan ini di Sekolah Menengah Vokasional. Penghargaan pula kepada pengetua-pengetua sekolah, nazir sekolah, dan bapa ibu guru serta pihak pengurusan sekolah yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Khata bin Jabor, (Alm) Prof Dr. Jalil Borham, Prof. Madya Dr. Mohd. Anuar Bin Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Yusof Bin Boon, dan semua pensyarah dan rakan-rakan saya yang tidak mungkin saya sebutkan nama satu persatu dengan ikhlas di dalam membantu memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berguna.

DEDIKASI



Ingatan tulus ikhlas buat ...

Ibunda tercinta Hj Andi Dio Pabokori dan Ayahanda Tercinta Drs. H. Andi Bahtiar
Mangkona
kerelaan dan keikhlasanmu tiada duanya
dan saudara-saudaraku serta keluargaku lainnya
semoga kita semua sentiasa dianugerahkan kesihatan, kecintaan terhadap ilmu
serta keberkatan dan kemampuan di dunia dan di akhirat,
Amin yaRabbal Alamin...

Setinggi penghargaan kepada:

Dr. Rohana Hamzah dan Dr. Kamalularifin Bin Subari
Atas nasihat, bimbingan, dan tunjuk ajar serta ilmu yang dicurahkan.
Hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalaunya.

ABSTRAK

Berdasar kajian terdahulu, banyak graduan belum mampu membuka bisnes sendiri akibat kemahuan yang lemah untuk menjadi usahawan, sompong, merasa cukup dengan ilmu yang diperoleh di sekolah menengah vokasional serta hanya mengejar kejayaan dengan hawa nafsu semata. Modul pengajaran keusahawanan yang sedia ada di sekolah menengah vokasional tidak diintegrasikan dengan nilai-nilai keusahawanan muslim dan pembangunan diri berdasarkan spiritual Islam. Maka terdapat keperluan untuk membangun satu modul nilai-nilai keusahawanan holistik. Matlamat utama kajian ini adalah mengenal pasti dan mengintegrasikan 11 nilai-nilai keusahawanan muslim dalam pembangunan diri dari pandangan spiritual Islam. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan modul pendidikan integrasi holistik nilai keusahawanan (PIHNU) ke atas faktor penyempitan diri, pencerahan diri, nilai-nilai keusahawanan, dan nilai-nilai keusahawanan holistik pelajar sekolah menengah vokasional. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian campuran eksplanatori. Kuasi eksperimen diguna pada pengumpulan data kuantitatif, manakala pada kajian kualitatif menggunakan temubual bagi mengumpul data. Populasi kajian ini terdiri daripada 12 guru keusahawanan dan 436 orang pelajar kelas tiga di lima sekolah menengah vokasional berlatar belakang Islam di Batam Indonesia. Manakala kajian kuantitatif sebenar melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kawalan yang mengandungi 26 orang pelajar setiap kumpulan. Manakala, lapan guru keusahawanan dan sembilan pelajar telah dipilih untuk ditemu bual. Soalan ujian aneka pilihan diguna bagi mengukur dan menentukan markah nilai-nilai keusahawanan holistik pelajar sebelum dan selepas menggunakan modul PIHNU. Keputusan menunjukkan pencapaian nilai keusahawanan holistik kumpulan pelajar eksperimen yang didedahkan dengan modul PIHNU adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan (min 74.8 ke min 86). Akhirnya, penyelidikan ini telah menghasilkan sebuah konsep pembangunan modul PIHNU dan sebuah modul nilai keusahawanan holistik. Oleh itu, modul PIHNU sesuai digunakan bagi sekolah menengah vokasional berlatar belakang Islam di Indonesia.

ABSTRACT

Based on previous research, most graduates are not able to open self business because of weak desire to be entrepreneurs, conceit, feel enough with theory of knowledge gained at vocational high school as well as working towards success with bad desire. The module of entrepreneurship education available at vocational high school does not integrate muslim entrepreneurship values and self-development based on Islamic sprituality. Thus, the need arises to develop a module which integrate holistic entrepreneurship values. The main purpose of this research is to determine and integrate 11 Islamic entrepreneurship values with self development according to Islamic philosophy. Specifically, the research determines the effects of integration education of holistic entrepreneurship values (PIHNU) module on self-narrowness, self-enlightening, entrepreneurship values, and holistic entrepreneurship values of vocational high school students. This research uses explanatory mixed-method research design. Quasi experimental research design was used for quantitative data collection while the qualitative part used interview for data collection. The population of this research consisted of 12 entrepreneurship teachers and 436 form three students from five vocational high school with Islamic background. Meanwhile, in quantitative research method, the responden has been diviveded to two groups which is the experimental and control groups and every group had 26 students. Furthermore, eight entrepreuership teachers and nine students constituted the interview for qualitative data collection. A multiple choice test was administered to determine vocational high school students' scores in pre-test and post-test before and after the treatment using PIHNU module. Results showed that the achievement of students in the experimental group higher as compared to students in control group (mean 74.8 to mean 86). Finally, this research has produced a PIHNU-module development concept and a module of holistic entrepreneurship values. Thus, PIHNU module is applicable to similar vocational high school with Islamic background in Indonesia.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
PENGAKUAN		ii
DEDIKASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xiv
SENARAI RAJAH		xvii
SENARAI LAMPIRAN		xix
SENARAI SINGKATAN DAN AKRONIM		xxi
 1 PENDAHULUAN		 1
1.1 Pengenalan		1
1.2 Latar Belakang Masalah		2
1.3 Pernyataan Masalah		10
1.4 Objektif Kajian		11
1.5 Persoalan Kajian		12
1.6 Hipotesis Kajian		12
1.7 Kerangka Kajian		13
1.7.1 Kerangka Teori Kajian		13
1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian		17
1.8 Signifikansi Kajian		18
1.8.1 Harapan Sumbangan Untuk Pendidikan Nilai- Nilai Keusahawanan Pada SMV di		

	Indonesia	19
1.9	Skop dan Batasan Kajian	20
1.10	Definisi Istilah	21
1.10.1	Modul PIHNU	21
1.10.2	Nilai-Nilai Keusahawanan	22
1.10.3	Nilai-Nilai Keusahawanan Holistik	22
1.10.4	Usahawan Sebagai Khalifah	23
1.10.5	Sekolah Menengah Vokasional	24
1.10.6	Penilaian Keberkesanan	24
1.11	Rumusan	25
2	TINJAUAN LITERATUR	26
2.1	Pengenalan	26
2.2	Konsep Pembangunan Diri	26
2.3	Konsep Penyempitan Diri	32
2.3.1	Kesombongan Diri	34
2.3.2	Menuruti Hawa Nafsu	34
2.3.3	Merasa Cukup	35
2.3.4	Kemahuan Yang Lemah	35
2.4	Konsep Pencerahan Diri	36
2.4.1	Keesaan Allah SWT	36
2.4.1.1	Proses Keteguhan Hati	37
2.4.1.2	Jiwa Tenang/ Jiwa Mengenal Penciptanya	45
2.4.2	Proses Pencerahan Diri	46
2.4.3	Ringkasan Proses Pencerahan Diri	50
2.5	Nilai-Nilai Keusahawanan Muslim	50
2.5.1	Usahawan yang Jujur dan benar	58
2.5.2	Usahawan yang Amanah (<i>siddiqun</i>)	60
2.5.3	Usahawan yang Adil	63
2.5.4	Usahawan yang Ihsan	65
2.5.5	Usahawan berpengetahuan dan Berkemahiran	67

2.5.6 Usahawan yang mengamalkan pembelajaran berterusan	69
2.5.7 Usahawan yang Istiqamah	69
2.5.8 Usahawan yang Menepati Janji	70
2.5.9 Usahawan yang Memiliki Keazaman	71
2.5.10 Usahawan yang Kreatif	73
2.5.11 Usahawan yang Inovatif	75
2.6 Ringkasan Nilai Keusahawanan Muslim	76
2.7 Proses Pembangunan Diri dalam Menjalankan Tanggungjawab Diri Seorang Khalifah	76
2.7.1 Hubung Kait jantina Dengan Tanggungjawab	80
2.7.2 Hakikat Manusia Sebagai Usahawan	81
2.7.3 Akhlak	84
2.7.4 Konsep Usahawan Berjaya Menurut Pandangan Islam	85
2.8 Perpaduan Konsep Proses Penyepitan Diri, Proses Pencerahan Diri, Dan Proses Pengembangan Usahawan Di Garis Kejayaan	89
2.9 Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Beraliran Islam	93
2.10 Kerangka Teori Dalam Reka Bentuk Dan Pembangunan Modul PIHNU	95
2.11 Model Reka Bentuk Instruksional Dick Carey And Carey	96
2.12 Model Keusahawanan Konvensional	96
2.13 Modul Konvensional	104
2.11 Rumusan	108
3 METODOLOGI KAJIAN	109
3.1 Pendahuluan	109
3.2 Reka Bentuk Kajian	110
3.2.1 Kuasi Eksperimental	113
3.3 Fasa Satu: Kajian Pendahuluan	115

3.3.1	Dapatan Analisis Keperluan	118
3.4	Fasa 2: Reka Bentuk Modul PIHNU	121
3.4.1	Fasa 2A: Pembangunan Modul PIHNU dan Pembinaan Instrumen	121
3.5	Kesahan dan Keboleh percayaan	123
3.5.1	Fasa Kesahan Muka	123
3.5.2	Fasa Kesahan Luaran (Kajian Rintis)	128
3.6	Tahap 4: Pelaksanaan dan Penilaian Modul PIHNU	138
3.7	Teknik Analisis Data	142
3.7.1	Analisis Data Kuantitatif	142
3.7.2	Pemarkahan dan Analisis Skor	142
3.7.3	Analisis Data Kualitatif 3.7.3.1 Analisis Kutipan Data Kualitatif	145 146
3.8	Populasi	148
3.8.1	Persampelan 3.8.1.1 Pemilihan Sampel Bagi Fasa 1	150 151
	3.8.1.2 Pemilihan sampel Bagi Fasa 2	151
	3.8.1.3 Pemilihan Sampel bagi Fasa 3	152
3.9	Lokasi Kajian	154
3.10	Jadual Pelaksanaan Kajian	155
3.11	Pengumpulan Data	156
3.12	Instrumen Kajian 3.12.1 Soalan Aneka Pilihan	158 158
	3.12.2 Temubual	161
	3.12.3 Protokol Temubual	162
3.13	Rumusan	164
4	REKA BENTUK MODUL	165
4.1	Pendahuluan	165
4.2	Fasa I: Struktur Modul PIHNU 4.2.1 Ciri Modul PIHNU	166 167
4.3	Fasa II: Pembangunan Modul PIHNU	169

4.4	Fasa 3: Pelaksanaan	174
4.4.1	Powerpoint	176
4.4.2	Buku Pakej	176
4.5	Kesimpulan	184
5	DAPATAN KAJIAN	185
5.1	Pengenalan	185
5.2	Demografi Responden Kajian	185
5.2.1	Pengujian Kebaikan Data	187
5.2.2	Distribusi Normaliti Ujian Pra	187
5.2.2.1	Distribusi Normaliti Ujian Pos	189
5.3	Tahap Pembangunan NKH Pelajar SMV	193
5.3.1	Penyempitan Diri	191
5.3.2	Pencerahan Diri	192
5.3.3	Nilai-Nilai Keusahawanan	194
5.3.4	Nilai-Nilai Keusahawanan Holistik	196
5.4	Analisis Keberkesanan Modul PIHNU	196
5.4.1	Penyempitan Diri	197
5.4.2	Pencerahan Diri	199
5.4.3	Nilai-Nilai Keusahawanan	202
5.4.4	NKH	204
5.5	Perbezaan Jantina daripada Ujian Pra NKH Kumpulan Eksperimen	208
5.6	Analisis Kajian Kualitatif Persepsi Guru dan Pelajar Mengenai Penilaian Modul PIHNU	211
5.6.1	Menarik	213
5.6.2	Konsep Perniagaan Islam	216
5.6.3	Boleh Dijiwa	219
5.6.4	Mudah difahami	219
5.6.5	Kesesuaian	221
5.6.6	Meningkatkan Kesedaran	222
5.6.7	Memotivasi secara Islam Mendakwa Jadi Usahawan	223

5.6.8	Ringkas	225
5.7	Rumusan	226
6	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	227
6.1	Pengenalan	227
6.2	Rumusan	227
6.2.1	Fasa Analisis Keperluan Bagi Demografi	228
6.2.1.1	Rumusan Demografi	228
6.2.2	Rumusan Pelaksanaan Bagi Keberkesanan Modul PIHNU	228
6.2.3	Rumusan Tahap Pembangunan Nilai Keusahawanan Pelajar	230
6.2.4	Rumusan Tanggapan Guru dan Pelajar Terhadap Modul PIHNU	230
6.2.5	Rumusan Fasa Pelaksanaan Bagi Keberkesanan Modul PIHNU	232
6.2.5.1	Rumusan Demografi	232
6.2.5.2	Rumusan Tahap Keberkesanan Modul PIHNU	232
6.3	Perbincangan	236
6.3.1	Penyempitan Diri	237
6.3.2	Pencerahan Diri	239
6.3.3	Nilai-Nilai Keusahawanan	244
6.3.4	Nilai Keusahawanan Holistik	247
6.3.5	Keberkesanan Modul PIHNU	254
6.3.6	Tahap Pembangunan NKH Pelajar	257
6.4	Pandangan Guru dan Pelajar Terhadap Modul PIHNU	264
6.5	Konsep Pembangunan Modul PIHNU	270
6.6	Cadangan	275
6.6.1	Cadangan Tindakan Kajian	276
6.6.2	Cadangan Kajian Lanjutan	276
6.7	Implikasi Kajian	278

6.7.1	Implikasi bagi keusahawanan di Indonesia	278
6.7.2	Implikasi Bagi Pendidik Keusahawanan Di Indonesia	279
6.8	Rumusan	280
RUJUKAN		282
Lampiran A-R		305 – 343

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Perbezaan Modul Keusahawanan Sedia Ada dengan Modul PIHNU	100
3.1	Reka Bentuk Ujian Pra dan Pos Kumpulan Eksperimen dan Kawalan	113
3.2	Laporan Rumusan Pengkodan Keperluan Pembangunan Modul PIHNU	120
3.3	Senarai Item-Item Yang Dibaiki oleh Pakar Semasa Kajian Rintis	126
3.4	Kesahan konstruk instrumen soalan aneka pilihan pencapaian NKH pelajar	127
3.5	Kesahan Modul PIHNU	128
3.6	Ringkasan Statistik Untuk Berkas Skalogram	132
3.7	Pengukuran Item	134
3.8	Soalan Item yang Dibuang	135
3.9	Tahap Penguasaan Menurut Kriteria Ketuntasan Minimum (KKM) Di SMV Berlatar Belakang Islam	143
3.10	Analisis Data	145
3.11	Responden Temubual Analisis Keperluan	151
3.12	Konstruk Soalan Aneka Pilihan Untuk Kajian Rintis Sebelum Disemak	159
3.13	Konstruk Soalan Aneka Pilihan Setelah Disemak	160

4.1	Masa Pelaksanaan Modul PIHNU	174
4.2	Jumlah Muka Surat Paparan Skrin Modul PIHNU	176
5.1	Taburan SMV dan Bilangan Pelajar SMV Sebagai Responden	186
5.2	Taburan Pengalaman Keusahawanan Pelajar	186
5.3	Distribusi Normaliti Ujian Pra	187
5.4	Distribusi Normaliti Ujian Pos	189
5.5	Tanggapan Responden Terhadap Pemboleh Ubah Penyempitan Diri	191
5.6	Tanggapan Responden Terhadap Konstruk Untuk Pencerahan Diri	193
5.7	Tanggapan Responden Terhadap Pemboleh Ubah Nilai-Nilai Keusahawanan	194
5.8	Perubahan Markah Min	196
5.9	Data statistik Sampel Berpasangan Markah Penyempitan Diri Ujian Pra Dan Pos Kumpulan Kawalan (N=26)	197
5.10	Data ujian-t Sampel Berpasangan Markah Penyempitan Diri Ujian Pra Dan Pos Kumpulan Kawalan (N=26)	197
5.11	Data statistik Sampel berpasangan Markah Penyempitan Diri Ujian Pra Dan Pos Kumpulan Eksperimen	198
5.12	Data ujian-t Sampel Berpasangan Markah Penyempitan Diri Ujian Pra dan Pos Kumpulan Eksperimen	199
5.13	Data Statistik Sampel Berpasangan Markah pencerahan Diri Ujian Pra Dan Pos Kumpulan Kawalan	200
5.14	Data Ujian t Sampel Berpasangan Markah Pencerahan Diri Ujian Pra Dan Pos Kumpulan Kawalan	200
5.15	Data Statistik Sampel Berpasangan Markah	

	Pencerahan Diri (N=26)	201
5.16	Data Ujian-t Sampel Berpasangan Markah Pencerahan Diri (N=26)	201
5.17	Data Statistik Sampel Berpasangan Markah Nilai-Nilai Keusahawanan Ujian Pra Dan Pos Kumpulan Eksperimen	202
5.18	Data Ujian-t Sampel Berpasangan Markah Markah Nilai-Nilai Keusahawanan Ujian Pra dan Pos Kumpulan Eksperimen	203
5.19	Data Statistik Sampel BerpasanganMarkah Nilai-Nilai KeusahawananUjian Pra dan Pos (N=26)	203
5.20	Data Statistik Sampel BerpasanganMarkah Nilai-Nilai Keusahawanan Ujian Pra dan Pos (N=26)	204
5.21	Data Statisitik Markah NKH Sampel Berpasangan	205
5.22	Data Ujian t Markah NKH Sampel Berpasangan	205
5.23	Keputusan Statistik Sampel Berpasangan Markah NKH Bagi Kumpulan Eksperimen	206
5.24	Keputusan Data Ujian t Sampel Berpasangan Markah NKHBagi Kumpulan Eksperimen	206
5.25	Ringkasan Dapatan Dan Tahap	207
5.26	Keputusan Statistik Ujian Pra Pencerahan Diri Jantina	208
5.27	Keputusan Ujian t Sampel Independen Ujian PraNKH Jantina	209
5.28	Keputusan Statistik Ujian Pos NKH Jantina	210
5.29	Keputusan Ujian t Sampel Independen Ujian Pos NKH Jantina	210
5.30	Laporan Pengkodian	213

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Nilai-Nilai Keusahawanan Holistik	15
1.2	Kerangka Konsep Pembangunan Modul PIHNU	16
1.3	Kerangka Kerja Konsep	17
2.1	Proses Pembesaran Jiwa Perniagaan Untuk Menjadi Usahawan (Adaptasi Daripada Rohana, 2009)	49
2.2	Kerangka Operasional Proses Pencerahan Diri (Sardar, 1990)	50
2.3	Nilai-Nilai Keusahawanan Muslim Yang lahir Daripada Nilai Asas Tauhid Iaitu Mengesakan Allah SWT.	76
2.4	Kerangka Operasional Proses Pengntegrasian Nilai-Nilai Keusahawanan (Diadaptasi daripada Hasan Langgulung, 1987; Ibrahim, 1992; Yaqub, 1992; Buerah Tunggak, 2007; Rohana Hamzah, 2009) .	92
3.1	Proses Kajian (Diadaptasi dari Model Instruksional Dick, Carey & Carey Menurut Gustafson & Branch, 2002 pg; 60)	112

3.2	Kaedah Kajian Eksperimen	114
3.3	Pembolehubah Kajian	114
3.4	Rumusan Konsep Pembangunan Modul PIHNU	119
3.5	Map Pemboleh Ubah	133
3.6	Peta Pulau Batam	154
4.1	Tampilan Sampul Buku Paket Modul PIHNU	177
4.2	Konsep Penyucian Diri	178
4.3	Konsep Halal, Haram, Riba , dan Cara Yang Tidak Sesuai Islam	179
4.4	Proses Pembesaran Jiwa	179
4.5	Memilih Konsep Perniagaan Islam Atau Kapital	180
4.6	Konsep Tanggungjawab Kekhalifaan terhadap Nilai-Nilai Keusahawanan	181
4.7	Konsep Belajar Dari Pokok	183
4.8	Konsep Kekhalifahan Dalam Perniagaan	183
4.9	Konsep Pembangunan Modul PIHNU	184
5.1	Uji Normaliti Data Markah Ujian Pra	188
5.2	Bentuk Distribusi di dalam bentuk Histogram	188
5.3	Uji Normaliti Data Markah Ujian Pos	189
5.4	Bentuk Distribusi di dalam bentuk Histogram Ujian Pos	190
5.5	Konsep Ciri-Ciri Keberkesanan Modul PIHNU Dalam Meningkatkan Pencapaian NKH	212
6.1	Konsep Pembangunan Modul PIHNU	275

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Izin Pengambilan Data Awal Kajian Pendahuluan daripada Dinas Pendidikan Kota Batam	306
B	Surat Izin Pengambilan Data Daripada Dinas Pendidikan Kota Batam	307
C	Surat Keterangan Telah Menjalankan Kajian di SMV Islam Hang Tuah Batam	308
D	Surat Keterangan Telah Menjalankan Kajian di SMV Muhammadiyah Batam	309
E	Surat Keterangan Telah Menjalankan Kajian di SMV Ibnu Sina Batam	310
F	Surat Keterangan Telah Menjalankan Kajian di SMV Al Azhar Batam	311
G	Surat Permohonan Persetujuan dan Kerjasama Untuk Ditemubual	312
H	Soalan Temubual Analisis Keperluan	313
I	Soalan Temubual Persepsi Guru Di Dalam Merespon Penyajian Modul PIHNU	315
J	Soalan Temubual Persepsi Pelajar Di Dalam Merespon Penyajian Modul PIHNU	317
K	Kesahan Pakar pada Produk Modul	318
L	Kesahan Pakar Pada Borang Aneka Pilihan Pencapaian Nilai-Nilai Keusahawanan Holistik Pelajar	324

M	Soalan Aneka Pilihan Ujian Pencapaian Nilai Kewirausahaan Holistik Pada Kajian Sebenar (Berbahasa Indonesia)	328
N	Foto Perlaksanaan Kajian Di Smv Di Batam	336
O	Publikasi Paper	338
P	Kesahan Pakar pada Bahasa Modul	339
Q	Lampiran analisis kutipan data pada Nvivo untuk keseluruhan data	340
R	Kesahan Pakar Bahasa Pada Borang Aneka Pilihan Pencapaian Nilai Keusahawanan Holistik Pelajar	342

SENARAI SINGKATAN DAN AKRONIM

ABM	- Alat Bantu Mengajar
BPS	- Badan Pusat Statistik
Depdiknas	- Departemen Pendidikan Nasional
ILO	- International Labor Organization
KBK	Kurikulum Berasaskan Kompetensi
Kemdikbud	- Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia
KKM	- Kriteria Ketuntasan Minimal
KTSP	Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
LKS	- Lembar KerjaSiswa
NKH	- Nilai-Nilai Keusahawanan Holistik
Permendiknas	- Peraturan Menteri Pendidikan Nasional
PIHNU	Pendidikan Integrasi Holistik Nilai Keusahawanan
PP	- Peraturan Pemerintah
P&P	- Pengajaran dan Pembelajaran
SD	- Sekolah Dasar
SLTA	- Sekolah Lanjutan Tingkat Atas
SLTP	- Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama
SMA	- Sekolah Menengah Atas
SMK	- Sekolah Menengah Kejuruan
SMP	- Sekolah Menengah Pertama
SMV	- Sekolah Menengah Vokasional
SPSS	Statistical Package for the Social Science
TMK	- Teknologi Maklumat dan Komunikasi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Pendidikan perniagaan di zaman moden ini menggerakkan pencerahan yang lebih merujuk kepada pencerahan akal. Hal ini disokong oleh pernyataan Madjid (2008) bahawa moden adalah rasional dan kebaratan. Walau bagaimanapun, pendidikan pencerahan jiwa yang berfungsi sebagai alat kawalan terhadap pencerahan akal dan akhlak manusia yang melahirkan materi, sering diabaikan (Indah, 2007). Kenyataan ini disokong oleh indeks pembangunan manusia yang mengalami penurunan ke peringkat 124 pada tahun 2011 dari peringkat 108 pada tahun 2010 (Herlini, 2011). Tambahan pula, menurut Khalif (2009), Rohana Hamzah (2009) dan Afzamiman (2012), konsep pembangunan modal insan atau pembangunan diri yang dicanangkan oleh pemikir-pemikir Barat bertentangan dengan pandangan Islam.

Engkoswara (1999) mendedahkan bahawa di era global, Indonesia akan terkena krisis degradasi rohani, semangat dan kreativiti untuk bekerja dan berusaha yang makin lemah dan kurang serta menghala ke arah yang negatif. Perkara ini dapat dilihat dengan peningkatan pembangunan keusahawanan yang tidak berasaskan kepada sifat keusahawanan syariah, melanggar undang-undang, moral, dan strategi perniagaan yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai usahawan Islam.

Dengan marjinalisasi pembangunan akhlak dalam ciri-ciri usahawan Muslim menunjukkan bahawa umat Islam masa kini telah kehilangan kemuliaan, mereka seolah-olah melupai peranan mereka sebagai khalifah sehingga tidak boleh menggunakan fikiran dan hati mereka untuk membuat keputusan (Aziz, 2010).

Bagi menjadi seorang usahawan Muslim yang berjaya, mesti tahan terhadap terjangan badai krisis sebagai suatu risiko perniagaan. Selain itu, mesti mampu terus mengamalkan nilai-nilai keusahawanan selama perniagaan berjalan, bukan hanya di awal sahaja, sehingga perlu pengendalian nafsu sebagai modal terbaik (Jose *et al.*, 2005; al Habshi, 1995; Buerah Tunggak, 2007; Shuhairimi, 2011). Oleh itu, usaha mencapai prestasi yang optimum, masyarakat usahawan memerlukan kematangan rohani (Suzilawati, 2000).

1.2 Latar Belakang Masalah

Penglibatan anak muda dalam keusahawanan memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Lelaki lebih tinggi dalam bertingkah laku keusahawanan daripada perempuan (Delmar & Davidson, 2000). Menurut Burke (2007), perempuan memiliki kemajuan untuk mengurus yang lebih rendah daripada lelaki kerana pengalaman usaha dan latihan yang lebih rendah sehingga memberi impak pada pelbagai aturan bagi menjadi pimpinan dalam bidang usahawan. Tariq (2009) mengatakan bahawa kebanyakan perempuan melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan kerana keterpaksaan disebabkan peluang pekerjaan yang tidak disediakan. Namun, Bucar dan Hisrich (2001) melaporkan bahawa usahawanan perempuan ternyata lebih menerapkan nilai-nilai keusahawanan daripada para lelaki. Selanjutnya, menurut Delmar dan Davidson (2000), Jose *et al.* (2005), Marta *et al.* (2011) bahawa terdapat hubungan antara jantina dengan tingkah laku keusahawanan.

Namun menurut Rhenald (2012) bahawa kunci kepada kejayaan pembangunan keusahawanan adalah pembangunan nilai-nilai dan pendidikan keusahawanan. Manakala Vitell *et al.* (2000) menemukan bahawa standard nilai masa kini lebih rendah daripada dua puluh tahun lepas, terutamanya standard dalam sosial seperti rendahnya integriti dan kerakusan. Maka menurut Amirullah (2012), perlunya pembangunan nilai dan pendidikan keusahawanan bagi melahirkan usahawan di masa usia masih muda dengan berazam agar sentiasa mempunyai kepercayaan, ketekunan, keyakinan yang tinggi dan tidak sompong serta diiringi pengabdian kepada Allah SWT dengan tetap menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah.

Berdasarkan laporan Kementerian Koperasi dan Syarikat Kecil/Menengah (2011) bahawa bilangan usahawan di Indonesia hanya 0.18 peratus atau (sekitar 400 ribu orang) yang boleh disebut usahawan. Pada Januari 2012, jumlah usahawan di Indonesia hanya mencapai angka 1.56 peratus dari jumlah penduduk di Indonesia (Djoko, 2012). Menurut Menteri Pendidikan (2010) bahawa keseluruhan Menteri se-ASEAN sepakat bahawa SMV sangat berpotensi meningkatkan bilangan usahawan. Oleh itu, salah satu strategi kerajaan dalam meningkatkan bilangan usahawan adalah dengan membuka sebanyak mungkin SMV dengan harapan agar graduan SMV boleh menjadi usahawan. Meskipun bilangan SMV telah meningkat dengan cepat, dalam kenyataannya kurang mempunyai kualiti (Arief, 2007). Banyak lulusan yang belum mampu membuat peluang pekerjaan sendiri dan berdikari. Oleh itu, perlu dilaksanakan latihan dalam mempraktikkan perniagaan untuk pelajar SMV (Joko, 2012). Bagi melahirkan pelajar SMV yang dapat membina diri dengan lebih kreatif dan inovatif, mereka memerlukan pembangunan individu (Engkoswara, 1999). Pendapat ini diperkuatkan oleh Kementerian Pendidikan Nasional (2010a) bahawa sifat keusahawanan mesti dibangunkan di atas prinsip penambahbaikan sifat usahawan secara berterusan. Sementara itu, pendidikan karakter bermatlamat untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan (Mulyani *et al.*, 2010).

Menurut Jamaliah Jamal, Rohana Hamzah dan Aede Hatib Musta'mal (2012) bahawa pendidikan vokasional juga berorientasi meningkat perkembangan individu.

Meskipun pendidikan karakter mengenai sifat usahawan telah diajarkan di SMV, kenyataannya, pembelajaran keusahawanan di SMV kurang menunjukkan perubahan ke arah yang lebih baik dan masih terhad kepada keupayaan peningkatan pengetahuan dan belum menyentuh nilai-nilai perilaku keusahawanan yang terwujud dalam pemikiran, sikap, perasaan, perkataan, dan perbuatan. Sehingga kini, masih diperlukan penambahbaikan dan pembangunan pola pelaksanaan program pembelajaran keusahawanan agar SMV memiliki sistem pelaksanaan keusahawanan yang lebih baik (Winarno, 2009; Direktorat Pembinaan SMK, 2012).

Oleh yang demikian, perlunya kajian pada kurikulum pelajaran untuk menyemai dan menanamkan minat tentang nilai-nilai keusahawanan Muslim (Kongres Ekonomi Islam Ketiga, 2009). Sehingga Nursamad (2012) menyimpulkan bahawa aktiviti Islamisasi pengetahuan dan Islamisasi kurikulum keusahawanan perlu diberi perhatian yang serius. Sebagaimana diungkapkan oleh Kementerian Pendidikan Nasional (2010) dan Buerah Tunggak (2007) bahawa pentingnya membina nilai-nilai keusahawanan yang mempunyai akhlak dalam membentuk manusia yang bijak. Rosnani Hashim (2007) menyatakan bahawa langkah yang penting menuju Islamisasi pengetahuan adalah merumuskan pendidikan falsafah berdasarkan pandangan Islam. Senada dengan Arief (2007) yang mengatakan bahawa sistem pendidikan di SMV, memerlukan keseimbangan antara teori, amalan serta rohani. Malah pelaksanaan proses P&P keusahawanan masa kini, terbukti mengabaikan pembangunan domain rohani. Manakala dalam proses pembangunan manusia, pembangunan potensi rohani adalah keperluan asas bagi setiap manusia (Hasan Langgulung, 1987; Zakaria, 1999). Justru itu, potensi rohani perlu diintegrasikan secara teori dan diterjemahkan dalam amalan dalam proses latihan keusahawanan di peringkat sekolah.

Abelein, Habryn dan Becker (2009) mengatakan perlu untuk membangunkan satu kerangka kerja secara holistik untuk menilai manfaat keusahawanan. Manakala Mohd. Johari (2004) menyatakan bahawa dalam usaha untuk membina usahawan secara holistik, maka pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah menjadi isu utama. Guru semestinya mampu menentukan dan menitikberatkan proses

pembelajaran yang memberi fokus kepada proses pembangunan pengetahuan, dan sikap (James & Baker, 2005).

Zaidatol (1993) dan Winarno (2009) menjelaskan bahawa SMV seharusnya mampu membangunkan dan menerapkan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar. Guru juga mesti memahami nilai-nilai usahawan dan mampu memberikan keteladanan terhadap penanaman nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar dengan merancang pembelajaran yang menyepadukan nilai-nilai keusahawanan (Kementerian Pendidikan Nasional, 2010). Menurut Sri (2011) bahawa pengintegrasian nilai-nilai keusahawanan ke dalam pembangunan diri di dalam bilik darjah boleh diintegrasikan ke dalam bahan pembelajaran sama ada dalam bentuk material, tugas mahupun penilaian. Lebih lanjut disarankan oleh Sri agar perlunya perancangan kurikulum di dalam internalisasi nilai-nilai usahawan dengan cara menginternalisasikan nilai-nilai usahawan ke dalam silibus dan rancangan pelaksanaan pembelajaran (RPP). Selain itu, perlunya perancangan dan pengorganisasian P&P agar pelajar aktif belajar dan mengalami pemahaman nilai-nilai usahawan yang integratif. Lebih lanjut ditegaskan oleh Jose *et al.* (2005), al Habshi (1995), Buerah Tunggak (2007) dan Shuhairimi (2011) bahawa pembangunan keusahawanan memerlukan pemupukan nilai-nilai perniagaan yang positif, termasuk jujur dan benar, amanah, adil, menepati janji, ihsan (baik hati), istiqamah, taufiq (kepuasan dan sempurna serta pendidikan berterusan), berpengetahuan dan mahir, keazaman, kreatif, dan inovatif sebagai modal yang paling penting untuk menghadapi pelbagai cabaran berat dalam dunia perniagaan.

Semestinya lulusan SMV juga ditekankan untuk menjadi usahawan (Sutjipto, 2001). Menurut Winarno (2009), pembelajaran dengan kompetensi nilai-nilai keusahawanan di bilik darjah lebih sukar direka berbanding kecekapan berniaga. Manakala untuk menjadi seorang usahawan berjaya yang memiliki semangat kepimpinan dan berfikir ke hadapan, memerlukan pengetahuan nilai-nilai keusahawanan.

Pahlawan (2011), Winarno (2007) dan Akhimelita (2009) mengatakan bahawa sebahagian besar SMV telah menggunakan modul berbantuan komputer dan buku sebagai alat pembelajaran keusahawanan kerana berpengaruh terhadap keazaman pelajar sehingga memberikan kesan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar SMV. Senada dengan pendapat Ahmad dan Yahya Buntat (2011) bahawa penggunaan teknologi komputer dalam pendidikan vokasional akan meningkatkan proses P&P di mana mampu meningkatkan keberkesan dan efisiensi aktiviti pembelajaran. Menurut Baharuddin Aris (1999) bahawa penggunaan pakej pengajaran modul powerpoint boleh meningkatkan keberkesan proses pengajaran dan pembelajaran kerana ianya membuatkan pengajaran lebih tersusun, memperkayakan pengalaman pelajar, pembelajaran menjadi lebih efisien dan lebih menyeronokkan. Hal ini dipertegas oleh Nicolaus (2008) bahawa penggunaan modul yang dilengkapi alatan peraga visual powerpoint mampu mengurangi waktu sehingga menjadi lebih efisien dan ringkas. Selain itu, powerpoint mampu mempercepat pemahaman dan peringkat berpikir pelajar.

Batam merupakan salah satu pintu gerbang perniagaan Indonesia-Malaysia-Singapura dan satu-satunya bandar di Indonesia yang berstatus kawasan perniagaan bebas semenjak 2007 di Indonesia (Harry, 2010). Kedekatan geografis Batam dengan Singapura (22 km) dan kerja sama segi tiga pertumbuhan Sijori (Singapura-Johor-Kepri) memunculkan minat dan peluang pelaburan asing (Makmun, 2004). Pulau Batam dibangunkan sebagai daerah industri sejak tahun 1971. Pulau Batam memiliki fungsi sebagai pusat perniagaan, pelancongan dan alih kapal. Di bidang pelancongan, Pulau Batam menjadi pintu gerbang kedua bagi pelancong asing ke Indonesia. Pertumbuhan ekonomi Batam yang terus meningkat, menempatkannya sebagai lokomotif pembangunan ekonomi nasional. Kerajaan menjadikan Batam sebagai kawasan bebas dan pelabuhan bebas sejak 2009.

Dalam kenyataannya di Indonesia, perlakuan pendidikan SMV di Indonesia masih mengutamakan kaedah konvensional sehingga hasilnya kurang maksimum dalam meningkatkan potensi yang ada pada pelajar. Hal ini meliputi SMV yang berlatar belakang pendidikan Islam (Zaini, 2006; Virnayanthi, 2012). Maka hal ini,

memberi impak pada melemahnya nilai-nilai keusahawanan yang kemudian melemahkan jiwa keusahawanan akibat berlakunya penyempitan jiwa. Menurut Saputra (2012) bahawa penyebab utama pengangguran adalah bukan kerana sempitnya peluang pekerjaan akan tetapi berlakunya penyempitan jiwa.

Menurut Winarno (2009) dan Kemendikud (2013) bahawa bahan pembelajaran keusahawanan di SMV tidak disajikan untuk membentuk sikap dan nilai-nilai keusahawanan. Modul keusahawanan di SMV belum menyentuh ranah pembentukan nilai-nilai yang diperlukan bagi seorang usahawan berjaya serta belum menyentuh pembangunan nilai-nilai positif (nilai-nilai Islam) (Sutjipto, 2001). Modul pembangunan diri *western*, menolak realiti spiritual (Jalil Borham, 2013). Dengan belum terbentuknya identiti nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar SMV, maka perlu kajian secara holistik terhadap modul keusahawanan yang bersesuaian untuk pelajar SMV (Winarno, 2009). Sehingga perlunya modul holistik dalam menciptakan pemahaman dan kesedaran serta membina sikap (Jalil Borham, 2013). Oleh itu, pemerintah mewajibkan seluruh SMV untuk memasukkan pembelajaran nilai-nilai spiritual ke dalam kompetensi dasar mata pelajaran keusahawanan dan melatih tutor serta mencetak buku pakej untuk guru. Masalah lainnya, masih kurang modul pembelajaran keusahawanan di SMV yang memuat nilai-nilai keusahawanan spiritual Islam. Akibatnya guru tidak memahami bagaimana cara mengajarkan nilai-nilai tersebut secara ringkas (Ishaq, 2013). Modul keusahawanan dan buku pakejnya perlu kerana membawa dampak yang cukup nyata bagi pemberdayaan pengangguran bagi melahirkan calon-calon usahawan baru (Syamsi, 2009). Menurut Winarno (2009) bahawa bahan ajar sebagai rujukan guru sangat terbatas dan tidak banyak materi yang dapat membentuk sikap keusahawanan pelajar. Rata-rata guru hanya memiliki satu buku keusahawanan dan tidak memiliki modul.

Lebih lanjut dijelaskan oleh Shaiful (2006) bahawa beberapa graduan SMV sangat sompong dengan berharap mendapatkan pekerjaan tinggi dengan hanya memiliki sijil graduan SMV serta tidak mahu mendirikan usaha kecil. Lemahnya jiwa keusahawanan graduan, tidak akan mampu mendorong dari dalam untuk

menjadi usahawan. Begitu juga menurut Koswara (2009) dan Asri (2012) bahawa kebanyakan graduan SMV belum mampu membuka usaha sendiri akibat memiliki kemauan yang lemah untuk menjadi usahawan. Selain itu, pelajar juga telah merasa cukup dengan teori ilmu di SMV, tanpa menyedari perlunya kesedaran jiwa keusahawanan (Fajharin, 2010). Disamping itu, pelajar SMV hanya mengejar kesuksesan dengan hawa nafsu semata tanpa memiliki kesabaran dan ketekunan. Hawa nafsu akan menghalangi hati menerima cahaya dengan selalu menyertai saat akan memulai usaha hingga usaha itu akan berjaya (Asnawi, 2011).

National Education Ministry (2010) berpendapat bahawa masih banyak kelemahan di SMV yang merangkumi bahan pembelajaran keusahawanan yang tidak bersesuaian dengan pertumbuhan keusahawanan. Apa yang berlaku di SMV adalah bahawa pendidikan keusahawanan belum menggambarkan pembangunan proses pendidikan secara holistik domain sikap, spiritual dan moral, iaitu kandungan keusahawanan memuat pesan-pesan sosial dan spiritual serta bermuara pada sikap (Kemendikud, 2013). Selain itu menurut Winarno (2009) bahawa kaedah pembelajaran keusahawanan di SMV belum berkesan untuk membina akhlak pelajar, sifat dan nilai-nilai usahawan sehingga mempengaruhi berlakunya degradasi akhlak. Kebanyakan pelajar SMV mengalami kekosongan jiwa akibat minimumnya pengetahuan spiritual dalam memandang diri dan sosial sehingga kurang memahami konsep diri. Akibatnya, pelajar SMV belum memiliki konsep diri yang baik. Sedangkan konsep diri yang baik akan mempengaruhi kesedaran diri terhadap tanggung jawab sosial dalam masyarakat. Pelajar masih dalam kondisi konsep spiritual yang rendah untuk mengenal diri, spiritual kepada Allah SWT, tanggungjawab diri dan kepada pencipta, serta interaksi sosial. Hal ini berlaku akibat pendidikan spiritual masih dipandang sebagai tugas guru agama sahaja.

Hal ini dapat dilihat di lapangan dimana ramai guru tidak mengajarkan nilai-nilai keusahawanan spiritual kerana merujuk kepada penyajian bahan pembelajaran modul (Sri, 2011). Tidak dikaitkan antara pembangunan diri dan nilai-nilai keusahawanan. Dengan kata lain, bahawa strategi pendidikan keusahawanan dengan kaedah konvensional di SMV, kurang berkesan dan belum mampu meningkatkan

kefahaman pembangunan diri dan nilai-nilai keusahawanan yang berpadanan dengan pelajar (Winarno, 2009; Kementerian Pendidikan Nasional, 2010). Akibatnya, ramai graduan tidak menerapkan nilai-nilai keusahawanan pada aktiviti keusahawanan mereka (Sutjipto, 2001). Ini mengindikasikan berlakunya kegagalan pembelajaran nilai-nilai keusahawanan di SMV.

Perubahan kurikulum 2006 kepada kurikulum 2013 yang pernah berlaku telah menjadi bukti kenyataan kegagalan pembelajaran nilai-nilai. SMV yang berlatar belakang pendidikan Islam pun dipandang rendah. Oleh itu, sangat penting bagi SMV memberikan perhatian kepada nilai-nilai keusahawanan dalam pembelajaran keusahawanan. Antara aspek utama yang perlu dilaksanakan ialah menjadikan nilai-nilai keusahawanan yang terintegrasi dengan spiritual Islam (Harry, 2010). Namun, masalah lain yang muncul di lapangan adalah belum adanya konsep pembelajaran nilai-nilai spiritual, sehingga guru menjadi tidak yakin tentang bagaimana cara untuk mengajarkan nilai-nilai spiritual.

Sehingga menurut Asri (2012), kebanyakan graduan SMV tidak mampu membuka usaha akibat kurangnya jiwa kepimpinan. Sehingga pelajar SMV kurang memahami dan menjiwai nilai-nilai keusahawanan secara holistik (Sutjipto, 2001). Dengan kata lain bahawa graduan tidak akan mempunyai jiwa keusahawanan holistik (Kamarulzaman Ismail & Amaludin Abdul Rahman, 2009). Menurut Sutjipto (2001), Winarno (2009), Mohd. Ali *et al.* (2010), Lastariwati (2012) bahawa pelajar mesti menjiwai nilai-nilai keusahawanan untuk berjaya.

Selain itu, salah satu penyebab masih rendahnya jiwa keusahawanan graduan SMV adalah juga belum diterapkannya pembelajaran nilai-nilai dengan menggunakan kaedah pembelajaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berbantuan komputer di dalam bilik darjah. Misalnya, masih kurangnya pembelajaran modul keusahawanan untuk SMV yang dilengkapi CD powerpoint. Sehingga perlu dilakukan pergantian modul. Dalam hal ini, modul yang mengintegrasikan nilai-nilai keusahawanan secara holistik. Modul bimbingan nilai-nilai spiritual berkesan dalam meningkatkan tanggung jawab. Hasil daripada

pembangunan keusahawanan dengan modul dan buku pakejnya sangat berkesan bagi pembangunan kumpulan pengangguran untuk menjadi calon-calon usahawan baru (Syamsi, 2009).

Perkara-perkara ini mengilhami pengkaji untuk melakukan kajian tentang pencapaian nilai-nilai keusahawanan holistik (NKH) di kalangan pelajar SMV yang pada akhirnya akan membangunkan modul pendidikan integrasi holistik nilai keusahawanan (PIHNU) untuk pendidikan peringkat SMV di Indonesia. Diharapkan penggunaan modul ini dapat meningkatkan pencapaian NKH pelajar. Namun yang perlu diketahui adalah sejauh manakah pengaruh pengintegrasian tersebut terhadap pencapaian NKH pelajar dengan menggunakan modul PIHNU. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk membangunkan modul PIHNU, mengenalpasti keberkesaan modul PIHNU, dan menilai pandangan guru dan pelajar terhadap modul PIHNU dalam meningkatkan NKH pelajar, serta membangun konsep pembangunan modul PIHNU.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan isu-isu yang telah dibincangkan di atas, pengkaji menggariskan bahawa pernyataan masalah kajian ini iaitu mengenalpasti dan mengintegrasikan pembangunan diri dan nilai-nilai keusahawanan dalam pendidikan keusahawanan sebagai pendekatan holistik dalam pendidikan keusahawanan. Pengkaji akan membangunkan nilai-nilai keusahawanan Muslim yang dianggap penting dan kurang diintegrasikan dalam modul pembelajaran keusahawanan di SMV di Indonesia menjadi NKH melalui proses pencerahan diri dengan kesedaran amalan nilai tanggungjawab kekhilifahan. Kajian ini akan membangunkan dan menilai modul PIHNU pada pelajar SMV di Batam. Oleh itu, matlamat utama kajian ini adalah membandingkan keberkesaan daripada dua jenis pendekatan P&P keusahawanan iaitu pendekatan konvensional, dan pendekatan modul berbantuan komputer yang

dilengkapi dengan buku pakej untuk membangunkan potensi nilai-nilai rohani keusahawanan pelajar di SMV. Keberkesanan diukur dengan perubahan peringkat pencapaian pelajar dalam NKH dan persepsi guru dan pelajar. Berasaskan pernyataan masalah diatas, maka terbentuklah objektif kajian di bawah ini.

1.4 Objektif Kajian

Skop kajian ini adalah guru keusahawanan dan pelajar kelas tiga SMV di Bandar Batam, Kepulauan Riau, Indonesia. Kajian ini menjalankan analisis kajian dan menyusun rumusan serta cadangan kajian. Berdasarkan pernyataan masalah di atas maka objektif kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti kesan perbezaan modul PIHNU ke atas penyempitan diri di kalangan pelajar SMV
- ii. Mengenal pasti kesan perbezaan modul PIHNU ke atas pencerahan diri di kalangan pelajar SMV
- iii. Mengenal pasti kesan perbezaan modul PIHNU ke atas nilai keusahawanan di kalangan pelajar SMV
- iv. Mengenal pasti tahap pembangunan NKH di kalangan pelajar SMV
- v. Mengenal pasti perbezaan NKH di kalangan pelajar SMV berdasarkan jantina
- vi. Mengenal pasti persepsi guru dan pelajar terhadap modul PIHNU

1.5 Persoalan Kajian

Berikut ini adalah soalan kajian yang akan dijawap dalam kajian ini iaitu:

- (i) Adakah terdapat kesan perbezaan signifikan pelaksanaan modul PIHNU terhadap faktor penyempitan diri di kalangan pelajar SMV?
- (ii) Adakah terdapat kesan perbezaan signifikan perlaksanaan modul PIHNU terhadap faktor pencerahan diri di kalangan pelajar SMV?
- (iii) Adakah terdapat kesan perbezaan signifikan perlaksanaan modul PIHNU ke atas nilai keusahawanan di kalangan pelajar SMV?
- (iv) Apakah tahap pembangunan NKH di kalangan pelajar SMV?
- (v) Adakah terdapat perbezaan tahap pembangunan NKH di kalangan pelajar berdasarkan jantina?
- (vi) Apakah persepsi guru dan pelajar terhadap modul PIHNU?

1.6 Hipotesis Kajian

- H₀₁ : Tidak terdapat perbezaan penyempitan diri yang signifikan di kalangan pelajar SMV
- H₀₂ : Tidak terdapat perbezaan pencerahan diri yang signifikan di kalangan pelajar SMV
- H₀₃ : Tidak terdapat perbezaan nilai-nilai keusahawanan yang signifikan di kalangan pelajar SMV
- H₀₄ : Tidak terdapat perbezaan NKH yang signifikan di kalangan pelajar SMV
- H₀₅ : Tidak terdapat perbezaan NKH yang signifikan berdasarkan jantina di kalangan pelajar SMV

1.7 Kerangka Kajian

Dalam kajian ini, kerangka kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu kerangka teori dan kerangka konseptual kajian. Kerangka teori untuk kajian dilakukan untuk menunjukkan teori-teori berhubungkait NKH dan yang menyokong pembangunan dan reka bentuk P&P. Matlamat dari kerangka teori adalah untuk membimbing terhadap kejayaan pembangunan prototaip sistem yang dirancang.

1.7.1 Kerangka Teori Kajian


Menurut Al Attas (1977), manusia memiliki jiwa rasional dan jiwa haiwan. Manakala menurut Hasan Langgulung (1987) bahawa proses pembangunan diri menuju kesempurnaan keperibadian manusia daripada domain rohani dalam tiga langkah kenaikan nafsu iaitu nafsu ammarah, nafsu lawammah dan nafsu mutmainnah. Proses pembangunan diri ini memperlihatkan dua tenaga yang berbeza iaitu tenaga negatif (penyempitan diri) dan tenaga positif (pencerahan diri). Sehingga proses pembangunan diri adalah sebagai usaha berterusan dalam penyerahan dan ketundukan jiwa kehaiwanan kepada jiwa rasional. Kedua-dua jiwa tersebut digambarkan ke dalam dua macam daya yang bekerja dalam hala yang berbeza dalam proses pembangunan diri yang merupakan tenaga pencerahan diri atau tenaga positif ke tahap membersihkan dan menyedarkan diri (gaya anti graviti yang bekerja ke tahap yang lebih tinggi) dan gaya penyempitan diri yang merupakan satu kuasa negatif (gaya graviti yang bekerja ke tahap yang lebih rendah) (Wan Mohd. Nor, 2005; Rohana Hamzah, 2009).

Ibrahim Abu Bakar (1992) merumuskan nilai-nilai keusahawanan Muslim yang mesti dimiliki oleh usahawan iaitu istiqomah, taufian/ pendidikan berterusan, keilmuan, kemahiran, dan kreativiti. Manakala Yaqub (1992), juga merumuskan


nilai-nilai keazaman, kreativiti, jujur dan benar, adil, menepati janji, ihsan, inovatif serta amanah sebagai nilai-nilai yang perlu dimiliki seorang usahawan. Sehingga pada tahun 2007, Buerah Tunggak telah mengkaji dan menyimpulkan nilai-nilai tersebut sebagai nilai-nilai keusahawanan yang dimiliki oleh usahawan berjaya.

Penambahbaikan rohani ini adalah cara terbaik penambahbaikan nilai-nilai secara maksima. Dalam membentuk nilai-nilai yang lebih maksima, perlu penyatuan nilai-nilai dengan rohani melalui pembangunan diri (Al-Jiasi, 1976). Proses penyatuan ini melalui pendidikan holistik. Perkara ini menunjukkan bahawa pendidikan holistik sebagai proses penyatuan ilmu pengetahuan kerohanian dan intelektual dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai asas untuk proses pembangunan manusia (Shaikh, 1999). Daripada teori diatas, pengkaji membangunkan kerangka teori untuk nilai-nilai holistik di dalam amalan P&P nilai-nilai keusahawanan di SMV di Indonesia. Teori pendidikan integrasi holistik nilai keusahawanan merupakan teori pelaksanaan pendidikan integrasi holistik untuk pelajaran nilai-nilai keusahawanan yang berkelayakan diaplikasikan di SMV berlatar belakang pendidikan Islam.

Dengan demikian, maka pengkaji mengintegrasikan teori pembangunan diri yang meliputi pencerahan diri dengan penyempitan diri, dengan teori nilai-nilai keusahawanan Muslim sehingga dapatan daripada penyatuan ini membentuk nilai-nilai keusahawanan holistik. Adapun kerangka teori untuk NKH dan Kerangka Teori nilai-nilai keusahawanan holistik ditunjukkan pada Rajah 1.1 dan 1.2 berikut:




Rajah 1.1 Kerangka Teori Nilai-Nilai Keusahawanan Holistik (Buerah Tunggak, 2007; Rohana Hamzah, 2009; Muhamad Afzamiman, 2011b)



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Pembangunan Modul PIHNU

1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian

Adapun kerangka konsep kajian dapat dilihat pada Rajah 1.3 berikut ini:



Rajah 1.3 Kerangka Konsep

Ada tiga jenis pembolehubah dalam kajian ini iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas serta pembolehubah organistik. Pembolehubah tak bersandar menentukan nilai pembolehubah bersandar. Menurut Creswell (2010), pembolehubah bersandar ialah pembolehubah yang terjejas daripada manipulasi. Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar adalah pencapaian NKH pelajar dalam pendidikan keusahawanan. Manakala, pembolehubah tidak bersandar adalah faktor pencerahan diri dan faktor pemboleh ubah penyempitan diri serta nilai-nilai keusahawanan. Di samping itu, satu pembolehubah organistik dalam kajian ini ialah jantina. Menurut Khata Jabor (2010) bahawa faktor demografi jantina turut memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian akademik pelajar. Pembolehubah yang dimanipulasi atau diubah secara sistematis oleh pengkaji bagi membangunkan perhubungan kausal disebut juga pembolehubah eksperimental. Ada peningkatan atau penurunan pembolehubah bersandar dalam setiap unit kenaikan pembolehubah eksperimental (Creswell, 2010). Dalam kajian ini, pembolehubah eksperimental adalah faktor pencerahan diri dan faktor penyempitan diri. Adapun faktor-faktor pembolehubah pencerahan diri iaitu keesaan Allah SWT, kepimpinan kepada diri dan sesama manusia serta alam fizikal. Manakala faktor-faktor pemboleh ubah penyempitan diri adalah kesombongan diri, hawa nafsu, merasa cukup, dan kemahuan yang lemah.

1.8 Signifikansi Kajian

Kajian ini memberikan sesebuah pendekatan alternatif sebagai pelengkap untuk amalan P&P dari pendidikan keusahawanan holistik di SMV. Dalam perkara ini, integrasi pembangunan diri dan nilai-nilai keusahawanan akan memberikan formula holistik untuk amalan P&P pendidikan keusahawanan. Oleh yang demikian, usaha ini akan menguntungkan pelajar, pendidik, SMV dan pihak berkuasa seperti perancang kurikulum, pentadbir di institusi pendidikan vokasional dan jabatan pendidikan amnya.

1.8.1 Harapan Sumbangan Untuk Pendidikan Nilai-Nilai Keusahawanan Pada SMV di Indonesia

Kajian ini dapat memberikan satu sumbangan yang signifikan dalam menghasilkan satu modul “Pendidikan Integrasi Holistik Nilai Keusahawanan” (PIHNU) yang memuat NKH berasaskan falsafah Islam dan buku pakejnya untuk SMV di Indonesia. Kajian ini membantu menjelaskan pembangunan diri menurut falsafah Islam dan nilai-nilai usahawan Muslim untuk diintegrasikan ke dalam pendidikan keusahawanan di masa hadapan. Hasil dari kajian ini diharapkan menjadi masukan untuk membuat polisi pada pendidikan vokasional tentang pentingnya pendidikan nilai keusahawanan holistik kepada pelajar agar nantinya dapat menghasilkan graduan yang memiliki peringkat pemahaman NKH yang tinggi. Sehingga diharapkan boleh menjadi bahan masukan, panduan, rujukan, cadangan untuk kajian selanjutnya.

Kajian ini juga mempunyai sumbangan yang signifikan dalam meningkatkan kefahaman guru tentang konsep pendekatan holistik dalam pendidikan nilai-nilai keusahawanan berasaskan falsafah Islam di SMV. Matlamat integrasi adalah untuk membangunkan pencerahan diri terhadap konsep manusia sebagai khalifah dan hamba Allah SWT di kalangan pelajar sebagai usahawan. Matlamat-matlamat ini dapat menjadi matlamat asas dan berfungsi sebagai rujukan untuk pembangunan kurikulum keusahawanan pada SMV di masa hadapan. Maklumat, hasil kajian, rumusan dan cadangan yang diberikan dalam bab ini diharapkan dapat memberi idea khususnya kepada penyelidik, guru-guru dan pihak lain yang berhubungkait dengan usaha mengatasi kelemahan pelajar dalam pembelajaran nilai keusahawanan.

Selanjutnya, kajian ini menghasilkan instrumen untuk mengukur tahap pencapaian NKH pelajar sebagai sumbangan secara signifikan bagi pentadbir dan pendidik dalam merancang modul P&P nilai-nilai keusahawanan yang bersesuaian kepada SMV berlatar belakang pendidikan Islam di Indonesia.

Kajian ini akan menyedarkan guru keusahawanan dan pelajar sehingga nantinya menjadi mudah menyelaraskan pendidikan keusahawanan dengan NKH. Di samping itu, kajian ini juga mempunyai sumbangan yang signifikan dalam membangunkan kesedaran kepada apa yang menjadi matlamat dalam kehidupan pelajar sebagai usahawan. Menurut Rohana Hamzah (2007) bahawa pencerahan diri pelajar dari peranannya sebagai usahawan dan sebagai khalifah Allah SWT dalam aktiviti keusahawanan akan menanamkan rasa tanggungjawab sebagai seorang usahawan. Oleh itu, kajian ini menyediakan kunci untuk keterbukaan diri, iaitu pencerahan diri dalam memantapkan nilai-nilai keusahawanan berdasarkan keyakinan kepada keesaan Allah SWT. Kesedaran ini akan membuka diri untuk proses pembelajaran keusahawanan yang berterusan untuk menjadi usahawan yang lebih baik dan mempunyai jati diri. Kajian ini diharapkan mampu memberikan solusi kepada pelajar ketika terjadi pemutusan kerja oleh industri, sehingga mampu berdikari.

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan di SMV di Bandar Batam, Kepulauan Riau. Populasi kajian ini adalah guru keusahawanan dan pelajar kelas tiga SMV berlatar belakang pendidikan Islam. Kajian ini mengkaji pelajar kelas tiga sebagai tahun terakhir kerana pada kelas dua telah melakukan praktik/amalan perniagaan di beberapa tempat, dan setelah lulus SMV diharapkan segera menjadi usahawan. Selain itu, komitmen keusahawanan akan lebih baik pada usia yang lebih dewasa atau pada gred tiga.

Matlamat dan konsentrasi kajian ini adalah menilai keberkesanan modul PIHNU terhadap pembangunan diri berdasarkan falsafah Islam dan nilai-nilai keusahawanan Muslim yang diintegrasikan dalam pendidikan keusahawanan kepada pencapaian NKH berdasarkan spiritual Islam. Oleh yang demikian, kajian ini lebih

bertumpu kepada pembangunan potensi rohani pada NKH, dan bukan pada kemahiran dan pengetahuan keusahawanan. Dalam kajian ini, pengkaji menganggap bahawa kemahiran dan pengetahuan keusahawanan telah dipelajari pada subjek pendidikan keusahawanan. Nilai keusahawanan holistik ini diamati dalam empat aspek aktualisasi yang menurut Rohana Hamzah (2007) iaitu keesaan Allah SWT, tanggungjawab peribadi, tanggungjawab sosial, tanggungjawab kepada menyeluruh terhadap alam. Dalam usaha menjana aktiviti ekonomi, usahawan tidak wajar bertindak melampaui had yang mengakibatkan kepada ketidakstabilan dan ketidakharmonian dalam perhubungan dengan Allah SWT, manusia sesama manusia dan alam (Shuhairimi, 2011). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesediaan usahawan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah melahirkan sifat saling berkongsi dalam perniagaan dan matlamat akhir untuk saling membantu membina kejayaan dalam perniagaan Muslim dengan matlamat akhir bagi membantu seramai mungkin manusia untuk beribadah kepada Allah SWT.

1.10 Definisi Istilah

Berikut ini adalah beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini iaitu:

1.10.1 Modul PIHNU

Modul merupakan saranan atau alat pembelajaran yang berisi kaedah, kandungan, batasan-batasan, dan cara penilaian yang dirancang secara menarik dan sistematis bagi mencapai kompetensi yang diinginkan sesuai dengan peringkat kompleksitasnya (Kemendiknas, 2010a). Modul yang akan dibangunkan dan diujikan dalam kajian ini adalah modul PIHNU yang terdiri daripada CD powerpoint dan

buku pakejnya. Modul ini terdiri daripada tiga bahagian/sesi iaitu bahagian I (persiapan diri), bahagian II (nilai-nilai keusahawanan) dan bahagian III (tanggungjawab kekhilafahan).

1.10.2 Nilai-Nilai Keusahawanan

Husain (2000) menjelaskan bahawa nilai merupakan peningkatan keyakinan sebagai satu identiti yang memberikan corak khas kepada pola fikiran, perasaan, keterikatan ataupun perilaku. Manakala Sudin dalam Suzilawati (2000) menjelaskan bahawa usahawan menurut Al-Quran dan Al-Sunnah adalah usahawan yang berterusan mencari, mengembeling dan memanfaatkan kurnia Allah SWT untuk faedah diri sendiri, umat, dan makhluk Allah SWT yang lain. Keusahawanan dari sudut pandang takut kepada Allah SWT mempunyai tiga prinsip asas iaitu Allah SWT, akhlak, dan keseimbangan. Usahawan perlu menyedari bahawa keusahawanan yang dijalankan dengan niat kerana Allah SWT dan bersesuaian dengan keinginan-Nya akan mencipta usahawan yang memiliki akhlak dan amal yang sangat tinggi (Dzar dan Rasidi, 2004). Dalam kajian ini, nilai keusahawanan yang dimaksudkan adalah nilai-nilai keusahawanan Muslim.

1.10.3 Nilai-Nilai Keusahawanan Holistik

Pendidikan holistik menurut sarjana barat yang dikemukakan oleh Ron Miller seorang tokoh holistik barat adalah falsafah pendidikan berdasarkan premis bahawa setiap orang mendapati makna, identiti, dan tujuan dalam hidup mengarah kepada dunia semula jadi, masyarakat, dan nilai-nilai kemanusiaan seperti belas kasihan dan keamanan. Tujuannya adalah membangkitkan dari orang ramai sebagai satu

penghormatan intrinsik untuk hidup dan cinta ghairah pengajian (Miller, 2013). Manakala holistik menurut para sarjana Muslim bermakna pertumbuhan keperibadian manusia yang menyeluruh secara seimbang melalui latihan jiwa, perasaan, diri manusia yang rasional, dan indera dalam segala aspeknya termasuk spiritual, hidup bermasyarakat dan nilai-nilai, serta persekitaran alam menuju kearah kebaikan dan kesempurnaan dan tunduk kepada Allah SWT (Mushlihin, 2013). Menurut Rohana Hamzah (2009), pendekatan holistik dalam pendidikan sebagai pendekatan yang lebih bertumpu kepada proses integrasi ilmu di antara ilmu akal dan ilmu wahyu dalam pembangunan jiwa terhadap kepercayaan dan keyakinan kepada Pencipta dan keikhlasan menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah. Pembelajaran yang menumpukan kepada membangunkan pembelajaran keusahawanan holistik yang merangkumi kemahiran, pengetahuan, dan titik fokus mereka adalah cara pemikiran dan nilai-nilai.

NKH membuka diri untuk berhubungkait dengan kekuatan yang lebih besar dari ego kita dan diri sendiri iaitu Allah SWT, manusia, dan alam (Ruslan, 2007). Nilai-nilai keusahawanan ini terbuka dan terus berkembang selaras dengan pembangunan jiwa keusahawanan sehingga turut membangunkan kesedaran akan tanggungjawab terhadap diri, sesama manusia dan alam menuju kepada keesaan Allah SWT. Adapun yang dimaksudkan holistik dalam kajian ini adalah merangkumi pembangunan diri sebagai seorang usahawan berlandaskan prinsip tanggung jawab kekhilafan (kepimpinan diri, masyarakat dan seluruh alam) dan prinsip tauhid iaitu keesaan Allah SWT (Rohana Hamzah, 2009).

1.10.4 Usahawan Sebagai Khalifah

Usahawan merupakan khalifah di muka bumi yang diamanahkan atau diberi tanggungjawab untuk menjaga dan mengurus semua di bumi ini secara benar serta baik (Yon Noor Haniza & Nor Azzah, 2011). Manakala menurut Yusof (2010)

seseorang usahawan Muslim sebagai khalifah Allah SWT yang menjalankan perniagaan mereka, mempunyai potensi untuk mengawal dan memimpin dunia keusahawanan. Dalam perkara ini, konsep khalifah dalam keusahawanan iaitu sebagai pertanggungjawaban kepada diri sendiri, manusia, dan alam kerana Allah SWT (Quraish, 2002; Rohana Hamzah, 2009; Insawan, 2010). Oleh itu, dalam kajian ini, ciri-ciri khalifah akan diintegrasikan dalam pembangunan diri sebagai tanggungjawab terhadap diri sendiri, sesama manusia dan alam.

1.10.5 Sekolah Menengah Vokasional

SMV yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah SMV yang memiliki latar belakang pendidikan Islam namun berada di bawah Kementerian Pendidikan dan menggunakan kurikulum dan kandungan pembelajaran keusahawanan yang sama dengan SMV amnya. SMV tersebut tidak berada di bawah Kementerian Agama contohnya Madrasah Aliyah Vokasional (MAV).

1.10.6 Penilaian Keberkesaan

Keberkesaan modul PIHNU, dinilai melalui kemajuan peringkat pencapaian dalam NKH selepas menggunakan modul PIHNU dan persepsi pelajar dan guru tentang kesan modul PIHNU tersebut.

1.11 Rumusan

Perancangan kurikulum pendidikan keusahawanan di SMV, dilihat kurang mengandungi nilai-nilai keusahawanan dan tidak dikaitkan dengan kepada nilai-nilai perniagaan Islami dan pembangunan diri yang meliputi tauhid. Kerana itu, dalam kajian ini, pengkaji akan mengintegrasikan nilai-nilai keusahawanan dengan pembangunan diri ke dalam pendidikan keusahawanan di SMV. Untuk itu, pengkaji akan membina sebuah modul PIHNU berupa CD *powerpoint* yang dilengkapi dengan buku pakejnya untuk guru. Bab ini juga telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan hipotesis kajian. Bab seterusnya akan membincangkan bagaimana proses yang bermula daripada penyempitan diri, lalu pencerahan diri merangkumi keesaan Allah SWT, menuju jiwa mutmainnah, sehingga mampu membuat keputusan tegas menjalankan usaha perniagaan dengan nilai-nilai keusahawanan dengan tanggungjawab kekhilifahan menuju usahawan cemerlang.

RUJUKAN

- Ab. Ghani, Ab. Mumin; Sarif, Suhaili. (2005). Penerapan budaya keusahawanan dalam masyarakat Islam. *Seminar keusahawanan Islam*. Universiti Malaya.
- Ab. Rahman Mat. (2005). *Pembinaan dan keberkesanan perisian berbantuan komputer bagi penyelesaian masalah konsep mol berdasarkan model konstruktivisme Saunders dan Hein*. Unpublished Dissertation, UTM, Malaysia.
- Abdul Asis. (2011). *Pengembangan Modul Berbasis Kartu Konsep Pada Pembelajaran Kooperatif Tipe jigsaw untuk meningkatkan motivasi berprestasi kreativiti siswa*. Unpublished Dissertation. Universitas Negeri Makassar, Indonesia.
- Abd Jalil Borham. (2013). Development Module Of Holistic Leadership Training In Facing Of Global Challenges. *International Journal Of Education and Research*. Vol. 1 No.9. UMP.
- Abdul Kohar Mudzakir. (2005). *Ekonomi Islam: Suatu Perbandingan Pandangan Dan Sejarah Perkembangan Pemikiran. Pengantar Falsafah Sains*. Unpublished Dissertation. Institut Pertanian Bogor, Indonesia.
- Abdullah, M. A., & Hoetoro, A. (2011). Archive of SID Social Entrepreneurship as an Instrumen to Empowering Small and Medium Enterprises : An Islamic Perspective. *Int. J. Manag. Bus. Res.*, 1(1), 35–46.
- Abelein, U., Habryn, F., & Becker, A. (2009). Towards a Holistik Framework for Describing and Evaluating Business Benefits of a Service Oriented Architecture. *13th Enterprise Distributed Object Computing Conference Workshops (Edocw 2009)*, 282-289.
- Adnan Ahmad, Mimi Mohaffyza, Kamalularifin Subari. (2006). Aplikasi Corak Pembelajaran Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis Di Kalangan Pelajar Dalam Subjek Pengajian Kejuruteraan Awam Sekolah Menengah Teknik Negeri Johor. eprints, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aedy H. (2007). *Indahnya ekonomi Islam*. Bandung: Alfabeta.
- Affandi, N. M. (2002). *Islam & Business*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Agung, A. M. L. (2010). *Ketika Nurani Berbisnis*. Jakarta: Elex Media.
- Ahmad Abdul Ghaffar. (2004). *Agar harta tidak menjadi fitnah*. Jakarta: Gema Insani Press.

- Ahmad Rizal Madar & Yahya Buntat. (2011). The Effect of Courseware Utilization to the Student's Achievement for Field Independence-dependence Cognitive Styles Student. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*.
- Akbar, M. (1993). Ideology, Environment and Entrepreneurship : Typologies from Islamic Texts and History. *Journal of Entrepreneurship*, 2(2), 135–154. doi:10.1177/097135579300200201.
- Akhimelita. (2009). Pengaruh motivasi berprestasi dan prestasi belajar terhadap kesiapan berwirausaha. Unpublished Dissertation, Universitas Pendidikan Indonesia, Indonesia.
- Al-Attas, S. M. N. (1977). The Concept of Education In Islam. *First World Conference on Muslim Education*. Makkah.
- Al Ghazali, I. (1984a). *Benang Tipis antara Halal dan Haram*. Surabaya: Putera Pelajar.
- Al Ghazali, I. (1984b). *Dibalik Ketajaman Mata hati*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Al Ghazali, I. (2004). *Ihya' Ulum Al din; the book of religious learning*. Vol.1. Kazi publications. Pakistan.
- Al Ghazali, I. (2006). *Nasehat untuk para pengusaha*. Surabaya: Pustaka Media.
- Al Ghazali, I. (2007). *Syukur Menambah Nikmat*. Surabaya: CV. Karya Utama.
- Al Habshi, S. O. (1995). Etika Perniagaan Islam. Seminar Isu-Isu dan Dilema Etika Perniagaan, IKIM, Kuala Lumpur.
- Ali, Mohd, Ismail Basiron, Eidee Othman, M. N. H. (2010). Penerapan Nilai Keusahawanan: Satu Kajian Kes Ke Atas Program Kemahiran Tingkatan 1 (Kat 1) Di Makta B Rendah Sains Mara Batu Pahat. In Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan (Ed.), Vol. 1.
- Alias, A. (1992). *Konsep Keusahawanan. Dlm MEDEC. Asas Keusahawanan Shah Alam*: BIROTEKS (Biro Penyediaan Teks), UTM.
- Ali Hasyim. (2012). *Takut Sumber Kelemahan Usahawan*. Dewan Perniagaan Islam Malaysia.
- Al-Jiasi Al-Ahmadi, Mustapha Mohamed. (1976). *Mengenal Diri dan Wali Allah*. Pustaka Aman Press sdn. bhd.
- Al Kaaf, Abdullah Zakiy. *Keteladanan Akhlak Nabi Muhammad saw*. (First ed.). Bandung: Pustaka Setia.
- Al Khatib, M. A. (2001). *Penjelasan di sekitar Risalah ta'Alim*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

- Al Khufiy, Ahmad Muhammad. (2000). *Min akhlaq al-Nabi Shallalla alaihi wasallam.*
- Allen, L. K., Hetherington, E., Manyama, M., Hatfield, J. M., & van Marle, G. (2010). Using the social entrepreneurship approach to generate innovative and sustainable malaria diagnosis interventions in Tanzania: a case study. *Malar J*, 9, 42.
- Aminuddin Mamma. (2009). *Wawasan Al-Quran Tentang Khianat; Suatu Kajian Tafsir Tematik*. Unpublished Dissertation, UIN Makassar, Indonesia
- Amirullah Abbas. (2012). Pemuda Indonesia is going to entrepreneur success; (Kadin Motivasi Pelajar Jadi Entrepreneur); STIE YPUP, Grand Clarion rabu (30/5) 31 mei, kolom “jasa & keuangan” *Koran ujung pandang ekspres* h.15.
- Amirus Sodiq. (2010). Pendapat Pengusaha Busana Muslim Tentang Berbisnis Islami di Kecamatan Gebong Kabupaten Kudus. Unpublished Dissertation, Universitas Gajah Mada Yogyakarta , Indonesia.
- Andi mallanti dan Rohana Hamzah. (2013). Holistic Entrepreneurship Values: Panacea for Self-Development of Vocational High School Students in Indonesia, 1(23), 5. doi:10.2139/ssrn.2256502
- Andreas, S., Dirmaier, J., Harfst, T., Kawski, S., Koch, U., & Schulz, H. (2009). Development and evaluation of a case group concept for inpatients with mental disorders in Germany: using self-report and expert-rated instrumens. *Eur Psychiatry*, 24(2), 105-111.
- Andreas Rio Adriyanto. (2008). Pengukuran Kualiti Komponen Multimedia dalam Modul Pembelajaran terhadap Efektivitas Pembelajaran (Studi Kasus CCNA Eksploration). Unpublished Dissertation, Universitas Gajah Mada, Indonesia.
- Anna Teresa T. (2007). *Phenomenology Of Life From The Animal Soul To The Human Mind*. Book II *The Human Soul In The Creative Transformation Of The Mind*. Springer.
- Antoncic, Bostjan; Robert D. Hisrich. (2000). Intrepreneurship Modeling In Transition Economies: a Comparison of Slovenia andThe United States. *Journal of Developmental Entrepreneurship*. Vol. 5 No. 1. PP.22-40
- Anuar Bin Abdul Rahman & Faezah Binti Shamsudin. (2010). Penggunaan E-Pembelajaran di Kalangan Pelajar jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruan, Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/11282/>
- Arief, A. (2007). *Reformulasi Pendidikan Islam*, (2nd ed.). Ciputat: Ciputat Press Group.
- Arikunto, S. (2009). *Manajemen Penelitian*. Jakarta: Rineka Cipta.

- Arini, D. (2011). Pengaruh prestasi praktik kerja industri dan pengetahuan keusahawanan terhadap minat berwirausaha pelajar kelas 3 teknik bangunan SMV Negeri 2 Pengasih tahun ajaran 2010/2011. Universitas Negeri Yogyakarta. Indonesia.
- Ary Ginanjar Agustian. (2001). *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi Dan Spiritual E.S.Q. The secret of success in developing E.S.Q. emotional and spiritual intelligence*. Jakarta: Penerbit Arga.
- Ary Ginanjar Agustian. (2005). ESQ: *Emotional Spiritual Quotient*. Jakarta: Penerbit Arga.
- Asakawa, K., Nakamura, H., & Sawada, N. (2010). Firms' open innovation policies, laboratories' external collaborations, and laboratories' R&D performance. *R & D Management*, 40(2), 109-123.
- Asep Herry Hermawan. (2008). *Pembelajaran Bersepadu*. Jakarta: Universitas Terbuka.
- Askar. (2010). Integrasi Keilmuan di Lembaga Pendidikan Menengah; (Studi pada Madrasah Aliyah Negeri 2 Model Palu). Unpublished Dissertation, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia.
- Asmawati Suhid. (2007). Pengajaran Adab & Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *My Jurnal. Jurnal Management System. Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara (SEA Journal of General Studies)*. Vol. 8.
- Asnawi, Nur. (2011). Wirausaha sebagai solusi pengangguran terdidik di Indonesia. Ejournal UIN Malang. Fak. Ekonomi UIN Maulana Malik Ibrahim Malang
- Asnul Dahir Bin Minghat, Kandar Bin Selamat & Hartini Binti Mohd Rejab. (2010). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesediaan Pelajar-pelajar Aliran Vokasional Untuk Memilih Kerjaya Dalam Bidang Yang Dipelajari. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/11311/>
- Asri Dian. (2012). Persepsi Siswa Terhadap Usaha Guru Dalam Memotivasi Berwirausaha Siswa Pada Mata Diklat Pengelolaan Usaha Boga (Pub) Di Smk. Universitas Negeri Yogyakarta. <http://eprints.uny.ac.id/8020/2/bab%201%20-%2010511242002.pdf>
- Astrachan, J. H., & Jaskiewicz, P. (2008). Emotional returns and emotional costs in privately held family businesses: Advancing traditional business valuation. *Family Business Review*, 21(2), 139-149.
- Austin, J. S. H., & Wei-Skillern, J. (2006). Social and commercial entrepreneurs: same, different, or both? *Entrepreneurship Theory and Practice*, 30(1), 1–23.
- Azizi Yahaya, Mohd. Anuar Abd Rahman, Abd Rahim Hamdan, Yusof Boon. (2010). Program Pemulihan Akhlak Wanita: Sejauh Manakah Keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita Membantu Proses Pemulihan?

- Azizi Yahya, Shahrin Hasim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim hamdan. (2006). Menguasai penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, analisis & Interpretasi Data. PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Azman Hasan. (2012). Instrumen Penilaian Pembimbing Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kerja Pelajar di Industri. Unpublished Dissertation, UTM, Malaysia.
- Bachok, Z. b. M. Y. (2005). *Kecerdasan Emosi Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Luar Bandar Sekolah Menengah Daerah Pontian*. Johor: UTM.
- Baderiah. (2001). Reorientasi Pendidikan Islam Dalam Perspektif Pembangunan Akhlak Era Millenium Ketiga. Unpublished Dissertation, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia.
- Baharuddin Aris. (1999). The Use of Information Technology in Education: Using an Interactive Multimedia Courseware Package to Upgrade Teachers Knowledge and Change Their Attitudes. Unpublished Dissertation, The Robert Gordon University, Scotland.
- Bakry, M. M. (2007). Wacana Rohani di Dalam Islam (Telaah atas Pemikiran Sufistik Muhammad Mutawalli Al-Sya'rawi). Makassar: UIN Alauddin.
- Bandi, M. Y. (2004). Ijtihad Dalam Menginterpretasikan Hukum Infak Dalam Al-Quran (Analisis Pendekatan Hukum). Unpublished Dissertation, IAIN Alauddin Makassar, Indonesia.
- Basir, M. A. S. M., & , Hashim, & M. N. (2010). Penerapan Nilai Keusahawanan: Satu Kajian Kes Ke Atas Program Kemahiran Tingkatan 1 (Kat 1) Di Makta B Rendah Sains Mara Batu Pahat. In Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan (Ed.), (Vol. 1, pp. 32–46).
- Bayu Taufiq Possumah. (2012). Ekonomi Islam dan Keadilan Sosial. 23 oktober. <http://puzzleminds.com/ekonomi-Islam-dan-keadilan-sosial/>
- Benedicta P.D.R (2007). Pengembangan Model Pembinaan Calon Wirausaha Berdasarkan Pada Sembilan Sifat Unggul Wirausaha Dan Intensinya Untuk Menjadi Wirausaha. Lembaga penelitian Unika Atma jaya. Jakarta
- Bertens, K. (1997). *Etika*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Best, J.W., & Kahn, J.V. (1998). *Research in Education*. Boston: Allyn & BaconBhasah Abu Bakar. (2003). Asas Pengukuran Bilik Darjah. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Borg, W. R., & Gall, M. D. (1989). *Educational Research: An Introduction* (Fifth ed.). New York: Longman.
- Buang, N. A. (2002). *Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Buerah, T. (2007). Budaya niaga usahawan bumiputera dan implikasinya terhadap pendidikan dan pembangunan keusahawanan Muslim. Unpublished Dissertation, UTM, Malaysia.
- Buzan, T. (2001). The power of rohani intelligence; 10 ways to tap into your rohani genius: Thorsons.
- Cancer, V., & Mulej, M. (2006). Innovations by Ict: Provision of Requisitely Holistik Information for Business to Be Innovative. Idimt-2006, 19, 183-196.
- Candea, D., & Candea, R. (2010). Emotional Capital for Building Sustainable Business Performance. *Proceedings of the 2nd European Conference on Intellectual Capital*, 180-188.
- Carbonell, L. (2004). Instructional development timeline: Learning theory A Student's Guide to methodology; justifying enquiry. London: Sage Pub.
- Cater, T., & Cater, B. (2009). Emotional and rational motivations for customer loyalty in business-to-business professional services. *Service Industries Journal*, 29(8), 1151-1169.
- Chan, Y. (2007). *2 Inspire U*. Jakarta: Pt.Gramedia Pustaka Utama.
- Chua Yan Piaw (2012). Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Coakes, S. J. (2005). SPSS 12.0 for Windows. Analysis without Anguish. John Wiley & Sons Australia, LTD.
- Cooper, A.M, dan Palmer, A. (2000). *Mentoring, Preceptorship and Clinical Supervision: A Guide to Professional Roles in Clinical Practice*. (2nd ed.). Oxford: Blackwell Scientific Publication.
- Corner, P. D. (2009). Workplace Rohaniity and Business Ethics: Insights from an Eastern Rohani Tradition. *Journal of Business Ethics*, 85(3), 377-389.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design; Qualitative & Quantitative Approaches*. London: Sage Publications.
- Creswell, J.W. (2008). Educational Research: Planning, Conducting, Evaluating Quantitative and Qualitative Research. (3rd ed.). Person Education International.
- Creswell, J. W. (2010). *Research Design Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif, dan Mixed* (3rd ed.). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Cuervo, A. (2005). Individual and environmental determinants of entrepreneurship. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 1, 293–311.

- Cunningham, J. B., Lischeron, J. C. (1991), Defining Entrepreneurship', Journal of Small Business Management, vol. 29, no. 1, p.7-25.
- Dalmida, S. G., Holstad, M. M., Diorio, C., & Laderman, G. (2011). Rohani Well-Being and Health-Related Quality of Life Among African-American Women with HIV/AIDS. *Appl Res Qual Life*, 6(2), 139-157.
- Daromir Rudnyckij. (2009). *Spiritual Economy; Islam and Neoliberalism in Contemporary in Indonesia*. Cultural Anthropology, Vol. 24, Issue 1, pp. 104–141. the American Anthropological Association. University of Victoria.
- Darojat Ariyanto. (2006). Psikoterapi Dengan Doa. Suhuf. Vol. XVIII. No.1. http://eprints.ums.ac.id/1471/1/1._DAROJAT_ARIYANTO.pdf
- Data Pokok SMK. (2012). Direktorat Pembinaan SMK Kementerian Pendidikan Nasional. Diakses 30 juli 2012. <http://datapokok.ditpsmk.net/index.php?nama=&prop=19&kab=1902&status=&kk&bk=&pk=>
- Data Pokok SMK. (2013). Dinas Pendidikan dan Kebudayaan kota Batam. SMK Islam Hang Tuah Batam. <http://datapokok.smkn1batam.sch.id/sort.php?>
- Data Pokok SMK Kota Batam. (2013). Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Kota Batam Priode 2011/2012. <http://datapokok.smkn1batam.sch.id/detail.php?id=3271100005>
- Daud Vicara, dan Keon Chee. (2012). *Buku Pintar Keuangan Syariah; Cara Mudah Memahami Prinsip, Praktik, Prospek, dan Keunggulan Keuangan Islam di Zaman Kita*. Jakarta: Penerbit Zaman.
- Dayang HJH Tiawa. (2006). Reka Bentuk dan Keberkesanan Perisian Multimedia Membaca-Faham Berasaskan Gambaran Visual Bagi Kanak-kanak Pra sekolah. Disertasi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Dayang HJH Tiawa, Abdul Hafidz, Rio Sumarni. (2005). *Aplikasi Perisian Nvivo Dalam Analisis Kualitatif*. Fakulti Pendidikan. Eprint.utm.my, pp. 1-18.
- Delmar, F. & Davidsson, P. (2000). Where do they come from? Prevalence and characteristics of nascent entrepreneurs. *Entrepreneurship and Regional Development*, 12: 1–23.
- Dergibson Siagian dan Sugiarto. (2006). *Metode Statistika; untuk bisnis dan ekonomi* (ketiga.). Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Dick, W., Carey. L., and Carey J.O. (2005). *The Systematic Design of Instruction* (6th ed). New York, NY: Herper Collins Publishers.
- Direktorat Pembinaan Sekolah Menengah Kejuruan. (2012). Bantuan Pemanduan Kewirausahaan SMK. Direktorat Jenderal Pendidikan Menengah kementerian pendidikan dan kebudayaan. <http://www.ditpsmk.net/>.

- Djajaprana, Ferry. (2008). Melalui Nafs Kita Menuju Menjadi Manusia Sempurna. <http://ferrydjajaprana.multiply.com/journal/item/265>
- Djammarah, S. B. (2005). *Strategi Belajar Mengajar*. Jakarta: Rineke Cipta.
- Djono Nurhadi. (2011). Membangun spirit jiwa dan watak keusahawanan dalam konteks global. Volum 12. Nomor 4. Manajemen UPN Veteran. Yogyakarta. <http://isjd.pdii.lipi.go.id/admin/jurnal/12408223239.pdf>.
- Dutta, D. K., & Thornhill, S. (2008). The evolution of growth intentions: Toward a cognition-based model. *Journal of Business Venturing*, 23(3), 307–332. doi:<http://dx.doi.org/10.1016/j.jbusvent.2007.02.003>
- Dwi Heri Pahlawan. (2011). *Efektifitas Model Pembelajaran dengan Multimedia, Konvensional dan Campuran(Multimedia-Konvensional) terhadap Prestasi dan Motivasi Belajar Mata Diklat Produktif Siswa Kelas XBidang Keahlian Advance Otomotif di SMKN-1 Singosari*. Universitas Negeri Malang.
- Dzar, M. A., dan Rasidi, M. (2004). *Ekonomi Islam menurut Kehendak Allah SWT* (I ed.). Selangor : Minda Ikhwan.
- Emzir. (2010). *Metodologi Penelitian Kualitatif; Analisis Data*. Jakarta Utara: Rajagrafindo Persada.
- Engkoswara. (1999). *Instructional Strategy of Civic Education at Certain School Level*. Bandung: Centre for Indonesian Civic Education.
- Englert, C. S. (1992). Writing instruction from a sociocultural perspective: the holistik, dialogic, and social enterprise of writing. *J Learn Disabil*, 153-172.
- Faqih Syarif H.N. (2009). *Al-Quwwah Ar-Ruhiyah*. Yogyakarta: Alborr press.
- Fatmawati. (2008). Budaya Keusahawanan Orang Melayu di Pontianak, Kalimantan Barat. *Borneo Research Jurnal*. Vol.2.
- Fernando, M., & Chowdhury, R. M. M. I. (2010). The Relationship Between Rohani Well-Being and Ethical Orientations in Decision Making: An Empirical Study with Business Executives in Australia. *Journal of Business Ethics*, 95(2), 211-225.
- Finch, C. R. & Crunkilton, J. R. (1999). Curriculum Development in Vocational and Technical education: Planning, Content, and Implementation. Boston: Allyn and Bacon.
- Franklin, W. J. (2001). American African women and smoking: rohani well-being makes a difference. *J Christ Nurs*, 28(3), 162-167.
- Friedel, A.W., and Malone, D. P. (1992). An Exploratory, Classroom-based Investigation of Student's difficulties with Subscripts in Chemical Formulas. *Sciences Education*. 67-75.

- Gagne, R. M., Briggs, L. J., & Wager, W. W. (1988). *Principles of Instructional Design* (3rd ed.) New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Gallagher, J.D. (1998). *Classroom Assessment for teacher*. Upper Saddle River, NJ: Merill/Prentice Hall.
- Gardner, H. (1999). *Art education and human development*. Boston: The Getty Center for Education in the Arts.
- Garvin, D. A., & Levesque, L. C. (2006). Meeting The Challenge Of Corporate Entrepreneurship. *Harv Bus Rev*, 84(10), 102-112, 150.
- George Caspar Homans. (2004). *Social Behaviour: Its Elementary Forms*, edisi revisi (new york: Harcourt Brace Jovanovich, 1974), h. 25, dalam George Ritzer dan Douglas J. Goodman, eds., modern Sociological Theory" (sixth edition; mcGraw-Hill), Tert. Alimandan, Teori Sosiologi Modern, (1st ed.). Jakarta: Kencana
- Glaser CW, Rieth HJ, Kinzer CK, Peter J (1999). A description of the impact of multimedia anchored instruction on classroom interactions. *J. Spe. Edu. Tech.*, 14(2):27-43
- Gleman, D. (2007). Emotional Intellegence. Jakarta: gramedia pustaka utama.
- Gray, M. A., dan Smith, L.N. (2000). The Qualities of an Effective Mentor from the student Nurse's perspective: finding from a longitudinal qualitative study. *Journal of Advanced Nursing*, 32(6), 1642-1549.
